

UMS FC belasah Permaisuri Terengganu 12-0

UB 12-02-2012 A16

KOTA KINABALU: Pasukan Universiti Malaysia Sabah (UMS) FC berkenduri gol dengan kemenangan 12-0 ke atas Terengganu Permaisuri FC pada persaingan Kumpulan B wanita Kejohanan Futsal Kebangsaan Felda-FAM 2011/2012 di Kompleks Sukan Triways Shah Alam, Selangor kelmarin.

Pesta gol yang juga rekod kemenangan terbesar UMS FC setakat ini tersebut menyaksikan tiga pemainnya iaitu Sherilyn Elly Pius, Haindee Mosroh dan Dadree Rofinus masing-masing mencatat jaringan hatrik.

Sherilyn menjaringkan gol pada minit kesembilan, 34 dan 36, Haindee (m5, m7, m12) dan Dadree (m11, m21, m24).

Tiga gol lagi dijaringkan Sihaya

Ajad, Leoni Vitus dan Suriani Salim pada minit ke-26, 36 dan 39.

Ketua jurulatih Mohd Asyraaf Fong Abdullah ketika memberitahu keputusan tersebut kelmarin berkata, UMS seharusnya boleh mencatat kemenangan lebih besar tetapi banyak peluang gagal diterjemahkan kepada jaringan.

“Sebab itu saya kurang berpuas hati kerana sasaran kami adalah 15 gol. Bagaimanapun kemenangan ini mungkin membuka semula peluang kami untuk merebut gelaran juara.

“Carta liga kini didahului Selangor MPSJ dengan rekod tanpa kalah tetapi masih ada baki dua perlawanan selepas hari ini termasuk menentang PDRM (Polis Diraja Malaysia) pada hari terakhir saingan peringkat kumpulan

26 Februari ini,” katanya.

UMS mengharapkan ada pasukan yang menewaskan Selangor MPSJ untuk memberi laluan kepadanya menjadi pesaing memburu gelaran juara kumpulan.

“Sambil mengharap itu (Selangor MPSJ) tewas, kami juga perlu menang dua baki perlawanan dengan jaringan besarkeranakeranaandaikemungkinan itu berlaku, gelaran juara kumpulan mungkin akan ditentukan menerusi perbezaan jaringan. Sebab itu kami perlu jaringan besar,” kata Asyraaf.

Kemenangan kelmarin adalah yang keempat dari lima perlawanan diharungi setakat ini.

Sebelum ini mereka menang KL Putra Ria 9-2, mengalahkan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) 7-1 dan

Oleh VITALIS G BINGKASAN
vbingkas@yahoo.com

menang 7-0 ke atas Polis Diraja Malaysia.

Satu lagi perlawanan menyaksikan UMS tumpas 0-3 di tangan Selangor MPSJ.

UMS FC akan meneruskan cabaran menentang DBKU Sarawak hari ini sebelum mengakhiri saingan peringkat kumpulan menentang UiTM FC pada 26 Februari.

Kejohanan tersebut turut disertai pasukan wanita Sabah yang juga telah mengesahkan tempat ke pusingan akhir.

Pasukan lelaki Sabah turut mengambil bahagian tetapi nasib mereka ke pusingan akhir bergantung kepada keputusan perlawanan terakhir saingan peringkat kumpulan pada 25 Februari ini.